PP

lwn.

TEO KIM SAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
MOHD AZMAN HUSIN PK
[RAYUAN JENAYAH NO. 42-4-2002]
6 JUN 2006

PROSEDUR JENAYAH: *Penghakiman - Alasan keputusan - Kes prima facie - Beban pembuktian di akhir kes pembelaan - Sama ada pendakwaan membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah - Sama ada kes patut dibicara semula - Kanun Tatacara Jenayah, ss. 173(m)(i), 316(a) - Akta Pencegah Rasuah 1997, s. 11(b)*

KETERANGAN: *Beban pembuktian - Keraguan yang munasabah - Akhir kes pembelaan - Sama ada pendakwaan membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah - Sama ada kes patut dibicara semula - Kanun Tatacara Jenayah, ss. 173(m)(i), 316(a) - Akta Pencegah Rasuah 1997, s. 11(b)*

Tertuduh, yang didapati bersalah memberikan wang tunai sebanyak RM3,000 secara rasuah kepada seorang pegawai polis dan disabit di bawah s. 11(b) Akta Pencegah Rasuah 1997 di Mahkamah Sesyen, telah dihukum sebulan penjara dan didenda sebanyak RM10,000. Pendakwa Raya tidak berpuashati dengan keputusan itu dan memfailkan rayuan atas alasan denda yang dikenakan tidak sampai lima kali ganda jumlah suapan yang diberikan. Tertuduh juga memfailkan rayuan balas terhadap keseluruhan perintah Puan Hakim Mahkamah Sesyen atas alasan pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadapnya kerana terdapat keterangan yang bercanggah oleh saksi-saksi pendakwa.

Diputuskan:

(1) Walaupun Puan Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul memanggil tertuduh untuk membela diri selepas berpendapat pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh, Puan Hakim telah gagal menggunakan beban bukti yang betul selepas mendengar pembelaan tertuduh. Puan Hakim sepatutnya menentukan di akhir kes pembelaan sama ada pendakwaan membuktikan kes melampaui keraguan yang

munasabah (beyond reasonable doubt) seperti yang diperuntukkan oleh s. 173(m)(i) Kanun Tatacara Jenayah ('Kanun') dan juga seperti yang dihuraikan dalam kes *Jaafar v. PP*. (perenggan 16)

(2) Mahkamah berpendapat adalah lebih adil kepada semua pihak jika mahkamah menggunakan peruntukan s. 316(a) Kanun, dan oleh itu, mahkamah memerintahkan kes ini dibicarakan semula di depan seorang Hakim Sesyen yang lain. (perenggan 17)

[Diperintah sedemikian.]

Kes-kes yang dirujuk:
Jaafar v. PP [1999] 1 CLJ 410 HC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Corruption Act 1997, ss. 11(b), 42(1)
Criminal Procedure Code, ss. 173(m)(i), 316(a)
Immigration Act 1959/1963, s. 56(1)(d)

Bagi pihak pendakwa raya - Budiman Lutfi Mohamed TPR
Bagi pihak tertuduh - S Theivanthiran P Sinnathamby; T/n Thevin Chandran & Assoc

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Mohd Azman Husin PK:

[1] Tertuduh dituduh di bawah s. 11(b) Akta Pencegah Rasuah 1997 di Mahkamah Sesyen Ipoh seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 12 Ogos 1998 jam lebih kurang 5.30 petang di dalam bilik Ketua Polis Balai, Tanjung Tualang, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, telah secara rasuah memberikan wang tunai sebanyak RM3,000 kepada Cif Inspektor Mohd Zorki bin Saad, seorang pegawai kanan polis, Polis DiRaja Malaysia bagi memujuk beliau supaya tidak mengambil apa-apa tindakan dalam kesalahan melindungi pendatang haram Indonesia menurut s. 56(1)(d), Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155), dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 11(b) Akta Pencegah Rasuah 1997 (Akta 575) dan boleh dihukum menurut s. 16 Akta yang sama.

[2] Tertuduh didapati bersalah dan disabitkan. Tertuduh dihukum sebulan penjara dan didenda sebanyak RM10,000.

[3] Pendakwa Raya tidak berpuashati dengan keputusan itu dan memfailkan rayuan atas alasan denda yang dikenakan tidak sampai 5 kali ganda jumlah suapan yang diberikan.

[4] Tertuduh juga memfailkan rayuan balas terhadap keseluruhan perintah Puan Hakim Mahkamah Sesyen atas alasan pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadapnya kerana terdapat keterangan yang bercanggah oleh saksi-saksi pendakwa.

[5] Pendakwaan memanggil tujuh orang saksi:

1. SP1 – Sjn 50865 Ghazali bin Ahmad
2. SP2 – Cif Insp 8483 Mohd Zorki bin Saad
3. SP3 – L/Kpl 99355 Pulidavan a/1 Murugan
4. SP4 – Peg. Imigresen Adnan bin Halim
5. SP5 – Kpl 86547 Mohd Akhir CHik
6. SP6 – Insp 13566 Azhri Sidik dan
7. SP7 – SM 506486 Zainal Alam Zainuddin

[6] Menurut kes pendakwa, tiga orang PATI pekerja tertuduh ditahan oleh polis atas kesalahan imigresen di tempat kerja tertuduh. Selepas dihubungi oleh polis melalui telefon, tertuduh datang ke balai polis. Tertuduh datang ke balai polis dan bertanyakan status tiga orang pekerja tersebut. Tertuduh ada menawarkan suapan kepada SP2 RM3,000 dengan meletakkannya ditangan SP2 untuk menyelesaikan kes terhadap beliau kerana melindungi pendatang haram tanpa izin (PATI). Tertuduh ditangkap dan kemudiannya dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh.

[7] Selepas mendengar saksi-saksi pendakwa, Puan Hakim Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh. Puan Hakim Mahkamah Sesyen berpendapat tiga intipati pertuduhan berjaya dibuktikan:

i. SP2 adalah seorang pegawai polis atau agen kerajaan pada masa kejadian;

ii. Tertuduh secara rasuah memberikan suapan sebanyak RM3,000 kepada SP2 dan

iii. Suapan itu diberi sebagai dorongan agar tindakan tidak diambil ke atas tertuduh.

[8] Dalam pembelaan, tertuduh mengemukakan seorang saksi sahaja iaitu SD1 beliau sendiri.

[9] Menurut tertuduh pada tahun 1998 beliau ada membuat kerja kontrak perabot dan memotong kayu. Beliau memberi kerja kontrak itu kepada sub-kontraktor Yue Wuen. Sub-kontraktor itu membuat kerja potong kayu untuk dijadikan papan dengan upah sebanyak RM98 setan. Sub-kontraktor itu ada pekerja sendiri. Pada tahun itu beliau ada menerima panggilan telefon dari balai polis Tanjung Tualang meminta beliau datang ke balai polis untuk berbincang. Beliau pun pergi ke balai polis itu seorang diri dengan memandu kereta high light. Sesampai di balai polis itu, beliau bertanya siapa yang cari beliau sambil memperkenalkan dirinya sebagai Teo Kim San. Selepas memperkenalkan diri, beliau terus digari. Selepas itu polis bertanyakan beliau adakah orang Indonesia itu kuli beliau? Beliau jawab tidak. Beliau seterusnya memaklumkan orang Indonesia itu adalah kuli sub-kontraktornya. Kemudian polis memeriksa badan beliau di mana wang tunai RM7,000 ditemui. Menurut tertuduh, wang itu adalah untuk bayaran kepada kerja kontrak. Kemudian SP2 kata hendak selesaikan kes ini dengan RM7,000? Beliau tak setuju. Tertuduh juga tak bersetuju beliau berikan RM3,000 kepada SP2 untuk buat kawan.

Beliau juga tak bersetuju semasa wang itu diberi, terdapat dua orang lagi anggota polis dalam bilik SP2 berada menyaksikan peristiwa tersebut.

[10] Semasa kes pendakwaan, peguam tertuduh mempertikaikan keterangan saksi pendakwa yang bercanggah. Antaranya yang paling penting:

A i. Bila tertuduh ditangkap, tertuduh terus digari dan ketika itulah dikatakan tertuduh memberikan wang tunai RM3,000 kepada SP2. Adalah tidak mungkin dalam keadaan bergari tertuduh boleh memberikan wang tersebut kepada SP2.

B ii. Sebelum ditangkap, tertuduh tak diberi amaran bawah s. 113 Kanun Tatacara Jenayah. Oleh itu keterangan yang diberikan selepas itu adalah tidak boleh diterima sebagai keterangan di sisi undang-undang.

C **[11]** Selepas mendengar pembelaan, Puan Hakim Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa tertuduh gagal menyangkal anggapan bawah s. 42(1) Akta Pencegah Rasuah 1997. Oleh itu beliau memutuskan tertuduh bersalah dan disabitkan. Beliau menjatuhkan hukuman sebulan penjara dan denda RM10,000.

D **[12]** Dalam rayuan, peguam tertuduh menghujahkan bahawa ketika tertuduh ditangkap dia terus digari dan tiada amaran dibacakan terhadap tertuduh. Oleh itu keterangan yang diberikan oleh tertuduh selepas itu adalah "inadmissible". Puan Hakim Mahkamah Sesyen bersetuju dengan penghujahan beliau di E Mahkamah Rendah namum Puan Hakim Mahkamah Sesyen masih lagi menerima keterangan tertuduh selepas itu meskipun beliau memutuskan keterangan selepas itu adalah "inadmissible". Sehubungan dengan itu, selepas digari, tidak mungkin tertuduh boleh memberikan wang yang berada dalam poket seluarnya F kepada SP2. Oleh tu beliau menghujahkan bahawa tertuduh wajar dilepas dan dibebaskan dan mengenepikan perintah Puan Hakim Mahkamah Seysen. Seterusnya rayuan tertuduh hendaklah dibenarkan.

G **[13]** Dalam hujahan balas, Timbalan Pendakwa Raya menghujahkan terdapat tiga keadaan gari iaitu:

1. Ketika tertuduh datang ke Balai Polis Tanjung Tualang, diberitahu sebab-sebab penangkapan kerana melindungi PATI H dan SP2 mengarahkan Kpl Mohd Akhir menggari tertuduh (ms 27 Rekod Rayuan Lampiran 3A).

2. Tertuduh merayu kepada SP2 supaya tidak mengambil tindakan ke atas pekerjanya dan tertuduh bangun dari kerusi datang menghampiri SP2 dan memegang SP2. SP2 I mengarahkan tertuduh duduk dan jangan ganggu beliau dan mengarahkan Kpl Mohd Akhir menggari tertuduh (ms 29 perenggan 1 Rekod Rayuan Lampiran 3A).

3. SP2 mengarahkan Kpl Mohd Akhir menggari tertuduh selepas kejadian tertuduh meletakkan wang RM3,000 ke tangan saya (ms 37 Rekod Rayuan Lampiran 3A dalam pemeriksaan semula).

[14] Oleh itu Timbalan Pendakwa Raya menghujahkan bahawa keterangan dan penjelasan oleh SP2 dan disokong oleh SP5 menunjukkan tiada percanggahan material terhadap insiden menggari tertuduh.

[15] Kedua-dua pihak tidak mempertikaikan sekiranya mana-mana pesalah disabitkan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997 hukuman denda yang dikenakan hendaklah lima kali ganda dari jumlah suapan.

[16] Pendapat Mahkamah

1. Pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh.

2. Tertuduh digari selepas meletakkan RM3,000 ke tangan SP2. Rujuk keterangan SP2 di ms 37 Rekod Rayuan dan keterangan sokongan SP5 di ms 45 dan 48 Rekod Rayuan (Lampiran 3A).

3. Terdapat percanggahan dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan. Namun mahkamah memutuskan bahawa percanggahan tersebut adalah tidak material.

4. Puan Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul memanggil tertuduh untuk membela diri selepas berpendapat pendakwaan telah membolehkan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh.

5. Puan Hakim Mahkamah Sesyen gagal menggunakan beban bukti yang betul selepas mendengar pembelaan tertuduh. Puan Hakim Mahkamah Sesyen sepatutnya menentukan di akhir kes pembelaan sama ada pendakwaan membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah (beyond reasonable doubt) seperti yang diperuntukkan oleh s. 173(m)(i) Kanun Tatacara Jenayah dan juga seperti yang dihuraikan dalam kes *Jaafar v. PP* [1998] 4 MLJ 406.

[17] Mahkamah berpendapat adalah lebih adil kepada semua pihak jika mahkamah menggunakan peruntukan s. 316(a) Kanun Tatacara Jenayah. Oleh itu mahkamah memerintahkan kes ini dibicarakan semula di depan seorang Hakim Sesyen yang lain.